



KERAJAAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

**PEKELILING SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
BILANGAN 3 TAHUN 2009**

**PENAMBAHBAIKAN PELAKSANAAN PUSAT SETEMPAT (OSC)
DI SELANGOR**

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan memberi penjelasan dan panduan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Jabatan-jabatan Teknikal berkaitan penambahbaikan ke atas pelaksanaan Pusat Setempat (OSC) di Selangor.

LATAR BELAKANG

2. OSC telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia semasa Persidangan Mempertingkatkan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan : Penambahbaikan Urusan Cadangan Pemajuan Serta Penyenggaraan dan Pengurusan Hartanah di Sunway Resort Hotel & Spa pada 13 April 2007 yang lalu. Ia ditubuhkan bagi memendekkan prosedur dan proses permohonan cadangan pemajuan, seterusnya mempercepatkan kelulusan ke atas cadangan pemajuan oleh PBT.

3. Buku Panduan yang menerangkan Tatacara Pelaksanaan OSC turut diedarkan kepada semua PBT, Jabatan-jabatan Teknikal, Pertubuhan-pertubuhan Profesional dan Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) yang berkaitan. Buku Panduan OSC Edisi Kedua, yang merangkumi beberapa penambahbaikan, telah dilancarkan oleh YBhg Ketua Setiausaha Negara pada 15 Januari 2008.

PELAKSANAAN

4. Setelah mengenal pasti beberapa isu berkaitan keberkesanan pelaksanaannya di Selangor, Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bil.2/2009 bertarikh 21 April 2009 telah bersetuju dengan cadangan-cadangan penyelesaian bagi menambah baik pelaksanaan OSC di PBT Negeri Selangor seperti berikut:-

(i) Keahlian Jawatankuasa OSC

Susulan daripada penggubalan akta mengenai pengurusan sisa pepejal dan pengurusan air negara, beberapa suruhanjaya telah ditubuhkan bagi menggantikan jabatan sedia ada. Oleh itu, keahlian Jawatankuasa OSC sedia ada juga ditambah, seperti berikut:-

- a. **Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)**, agar selaras dengan Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118) yang telah memperuntukkan kemudahan telekomunikasi sebagai salah satu kemudahan yang perlu disediakan oleh pemaju di dalam setiap projek perumahan.

- b. **Indah Water Konsortium Sendirian Berhad (IWK)**, melalui penurunan kuasa oleh Suruhanjaya Pengurusan Air Negara (SPAN) untuk memberi ulasan teknikal terhadap aspek pengurusan pemetangan dalam sesuatu cadangan pemajuan.
- c. **Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA)**, yang perlu dirujuk bagi mengurus dan mengenal pasti amaun sisa pepejal yang akan dijana dalam proses pembinaan sesuatu cadangan pemajuan.
- d. **Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG)**, yang perlu dirujuk untuk menentukan kesesuaian pembangunan yang dirancang berdasarkan keadaan geologi dan sumber mineral tapak projek serta menilai risiko dan kesan ke atas alam sekitar.
- e. **Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)**, yang perlu dirujuk bagi memastikan sumber air, lembangan sungai, perairan pantai dan alam sekitar di Selangor berada di dalam keadaan terpelihara dengan peningkatan kualiti melalui pengurusan sumber air dan lembangan sungai secara yang menyeluruh, bersepadu dan lestari.

Bagi melancarkan perjalanan mesyuarat, semua Datuk Bandar / Yang Dipertua PBT hendaklah mengeluarkan surat pelantikan rasmi kepada semua Ahli Jawatankuasa atau Wakil Tetap yang dilantik.

(ii) Kehadiran Ahli-ahli Mesyuarat Daripada Jabatan Teknikal Luaran dan Dalaman PBT

- a. Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Bilangan 6 Tahun 2008 berkaitan Penambahbaikan Pelaksanaan Pusat Setempat (OSC) **hendaklah dipatuhi**, yang mana Ahli-ahli Mesyuarat daripada Jabatan-jabatan Teknikal Luaran dan Dalaman di setiap PBT hendaklah terdiri daripada Pengarah atau lain-lain Pegawai yang boleh membuat keputusan semasa mesyuarat di dalam bidang teknikal masing-masing.
- b. Sekiranya mana-mana Pengarah Jabatan tidak dapat hadir ke mesyuarat tersebut, beliau boleh diwakili oleh mana-mana Pegawai Kanan yang boleh membuat keputusan semasa mesyuarat berlangsung.

(iii) Penggunaan Borang Ulasan Teknikal Dalam Mesyuarat OSC

- a. Penggunaan Borang Ulasan Teknikal semasa Mesyuarat OSC dilengkapkan secara bertulis oleh pegawai-pegawai bagi setiap Jabatan Teknikal yang hadir ke mesyuarat tersebut, dengan menggunakan format **Borang Ulasan Teknikal Dalam Mesyuarat OSC seperti di LAMPIRAN A**; dan
- b. Kelewatan Jabatan-jabatan Teknikal Luaran dan Dalaman di setiap PBT untuk mengemukakan ulasan bertulis telah menjejaskan perjalanan Mesyuarat OSC. Justeru, semua Jabatan Teknikal Luaran dan Dalaman di setiap PBT perlu mengambil perhatian serius dan mengemukakan ulasan bertulis dalam tempoh 14 hari dari tarikh surat diterima.


TARIKH BERKUAT KUASA

5. Pekeliling ini berkuat kuasa dengan serta-merta mulai daripada tarikh ia dikeluarkan.

PEMAKAIAN

6. Semua Jabatan Kerajaan Negeri, Pejabat-pejabat Tanah dan Daerah, Badan-badan Berkanun Negeri, Pihak-pihak Berkuasa Tempatan Negeri (PBT) dan Anak-anak Syarikat di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri hendaklah melaksanakan arahan seperti yang tertakluk pada Pekeliling ini.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(DATO RAMLI BIN MAHMUD)
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

13 Julai 2009.

Dikelilingkan kepada: -

Semua Ketua Jabatan Kerajaan Negeri Selangor.

Semua Ketua Badan Berkanun Negeri Selangor

Semua Pegawai Daerah Negeri Selangor.

Semua Datuk Bandar / Yang Dipertua
Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor.

Semua Anak Syarikat di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor

Salinan kepada: -

YAB Datoq Menteri Besar Selangor

YB Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

YB Pegawai Kewangan Negeri Selangor

Semua YB EXCO Kerajaan Negeri Selangor

Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan)

Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan)

Semua Ketua Bahagian dan Seksyen (Pegawai-pegawai Kanan),
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

**BORANG ULASAN TEKNIKAL DALAM MESYUARAT OSC
(PEKELILING SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
BILANGAN 3 TAHUN 2009)**

Kepada: -

**Ketua Bahagian
Pusat Setempat (OSC)**

YBhg Datoq/ Datin Paduka / Tuan / Puan,

Merujuk kepada Cadangan _____

_____ Untuk Tetuan

yang dibentangkan di dalam Mesyuarat OSC Bil. _____ bertarikh
_____, ulasan pihak kami ialah seperti berikut :-

Sekian, terima kasih.

Saya yang menurut perintah,

(_____)

No. Kad Pengenalan :

Jabatan :